

07 MAY 2003

Effendi-Malaysia Best

PRODUK MALAYSIA BEST DIKETENGAHKAN KE PASARAN ANTARABANGSA

PASIR PUTEH, 7 Mei (Bernama) -- Kementerian Pertanian akan memperkenalkan produk Malaysia Best yang membabitkan buah-buahan dan sayur-sayuran bermutu tinggi untuk dipasarkan dalam negara dan antarabangsa.

Menteri berkenaan Datuk Dr Mohd Effendi Norwawi berkata di peringkat awal, produk terbabit akan diperkenalkan dalam negara sebelum dieksport, termasuk ke Jepun.

Lima jenis buah-buahan iaitu nanas, betik, mangga, belimbing dan tembikai wangi akan diberi tumpuan pada peringkat awal, katanya kepada pemberita semasa melawat kompleks pengumpulan ladang Gong Kulim di sini, semalam.

Mohd Effendi berkata usaha itu bertujuan menyakinkan pengguna bahawa produk terbabit dijamin selamat dimakan dan bermutu tinggi.

Beliau berkata pengeluaran buah-buahan terbabit akan diberi kebenaran menggunakan lambang Malaysia Best apabila mereka memenuhi syarat yang dikenakan yang antara lain tidak menggunakan racun selain menggunakan benih yang disyorkan serta penggredan yang sempurna seperti yang ditetapkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Pada masa ini, terdapat buah-buahan yang dipasarkan mengandungi racun berlebihan kerana pengeluarannya mahu buah yang cantik bagi menarik perhatian tanpa mempedulikan kesannya kepada pengguna, katanya.

Menurutnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan produk itu Jun ini.

Mohd Effendi juga berkata kementerian itu akan memperkenalkan sistem pasaran terus hasil buah-buahan di pasar raya di seluruh negara dari lima kompleks pengumpulan ladang yang diberi taraf projek perintis.

Beliau berkata pusat itu, termasuk di sini, yang membabitkan 46 hektar tanaman tembikai wangi yang diusahakan oleh 120 petani, bertujuan melindungi nasib petani yang ditindas orang tengah yang membeli dengan harga murah tetapi menjualnya pula dengan harga yang tinggi.

Jika wujud kelemahan dalam sistem itu kelak, kementerian akan memperbaikinya sebelum meluaskan program terbabit ke seluruh negara, katanya.

Mohd Effendi berharap dalam tempoh beberapa tahun akan datang, pusat itu akan diperluaskan ke 258 pertubuhan peladang di negara ini bagi mengurangkan jumlah import bahan makanan daripada RM13 juta setahun kepada RM6 juta setahun menjelang 2010.

-- BERNAMA

WM LAT